

# Peserta perlu memanfaatkan ilmu pembangunan karakter

Oleh Yap Slong Han  
UB 27.11.2021 P.04

**KOTA KINABALU:** Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JHEWA) telah mengadakan Webinar Kursus Pembangunan Karakter ke arah Kecemerlangan Organisasi pada 20 sehingga 21 November lalu.

Pengarah Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah Rusnah Kuyung, berkata webinar yang diadakan selama dua hari itu dijalankan secara langsung dengan menampilkan penceramah yang juga ahli dalam bidang ini iaitu Profesor Madya Dr. Muhammad Idris Bullare @ Bahari



**RUSNAH**

dari Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah.

“Webinar ini merupakan satu platform untuk me-

nambah ilmu yang sedia ada dan beliau berharap agar perkongsian dalam webinar ini akan membantu para peserta.

“Ilmu didapat perlu dimanfaatkan sepenuhnya agar dapat membangun karakter terpuji demi mewujudkan budaya kerja dan organisasi yang cemerlang serta unggul,” katanya dalam satu kenyataan di sini, kelmarin.

Ketua Penyelaras Program Winnie Anggon berkata, program seumpamanya sangat penting dalam membentuk peribadi Kaunselor dan Guru Bimbingan serta Kaunseling.

Menurutnya, ia penting agar dapat mengenali personaliti, karakter, keperibadian diri dan orang lain setelah mengikuti webinar ini.

Webinar secara maya itu telah dihadiri oleh 50 orang peserta yang terdiri daripada Kaunselor dan Guru Bimbingan serta Kaunseling dari pelbagai daerah di Sabah.

Objektif yang ditekankan dalam webinar ini ialah membolehkan para peserta mengetahui dan memahami konsep personaliti, karakter diri dengan lebih baik terutamanya dalam meningkatkan produktiviti serta prestasi di tempat kerja.